



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-32**

**Cadangan Pelaksanaan Kawalan Pelan Pemulihan Risiko Sistem  
Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2017**

**TUJUAN**

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Ke-32 Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan cadangan pelaksanaan kawalan pelan pemulihan risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 untuk tahun 2017.

**PENILAIAN DAN PEMULIHAN RISIKO**

2. Penilaian risiko adalah satu kaedah untuk menentukan jenis ancaman yang wujud untuk sesuatu aset dan tahap risiko yang berkaitan dengan ancaman tersebut. Penentuan tahap risiko menyediakan organisasi dengan maklumat yang diperlukan untuk memilih perlindungan dan langkah kawalan yang bersesuaian untuk mengurangkan risiko kepada satu tahap yang boleh diterima. Pemulihan risiko mengandungi pemilihan kawalan yang diluluskan oleh Pihak Pengurusan UPM berdasarkan cadangan kawalan keputusan penilaian risiko seperti berikut:

<b>Cadangan</b>	<b>Keterangan</b>
MENGURANGKAN	Keputusan ini ditentukan sekiranya implikasi terhadap risiko adalah kritikal samada HIGH atau MEDIUM. Pengurangan risiko dapat dilaksanakan melalui penambahbaikan dari segi operasi, prosedur, fizikal, individu atau teknikal.
MEMINDAHKAN	Keputusan ini ditentukan sekiranya implikasi terhadap risiko tersebut boleh dipindahkan dengan mewujudkan perjanjian (SLA) antara kedua pihak.
MENERIMA	Keputusan ini ditentukan jika implikasi terhadap risiko adalah LOW.
MENGELAKKAN	Keputusan ini ditentukan kerana tiada kawalan yang dapat ditentukan samada untuk mengurangkan atau memindahkan risiko kepada pihak ketiga.

3. Laporan tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi tahun 2016 telah dibawa dan dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-31 pada 17 Februari 2017 yang lalu. Semakan semula ke atas kawalan dan pelan pemulihan risiko sediaada akan dilaksanakan pada 20 April 2017 dengan semua peneraju proses yang terlibat dan pelaporan hasil semakan berkenaan akan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti akan datang (Julai 2017).

**SYOR**

4. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti adalah diminta mengambil maklum terhadap perkara berikut:

- (a) cadangan pelaksanaan kawalan di pelan pemulihan risiko keselamatan maklumat tahun 2017 akan dilaksanakan selepas semakan penilaian risiko pada April 2017; dan
- (b) meminta Peneraju Proses ISMS yang terlibat mengambil perhatian dalam menyediakan perlindungan dan kawalan keberkesanan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.